

JMIPT 2020 Zon Sabah Terima Sambutan Memberangsangkan

Terakhir dikemaskini: Selasa, 10 Mac 2020 15:10 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 12

[Kongsi 0](#) [Syorkan 0](#) [Kongsi](#) [Tweet](#) [Share](#)



ISNIN, 9 MAC - Karnival Jom Masuk IPT 2020 (JMIPT) Zon Sabah menerima sambutan positif apabila ribuan pelajar dari semua peringkat hadir untuk melihat sendiri pakej-pakej pengajian ditawarkan.

Menteri Pelajaran dan Inovasi Datuk Dr Yusof Yacob berkata, acara berkenaan adalah program tahunan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia

(KPM) yang melibatkan lapan lokasi seluruh negara.

"Terdapat empat objektif utama penganjuran ini, antaranya ialah mempromosi menyebarkan maklumat mengenai program pengajian sedia ada serta program baharu ditawarkan universiti awam, institut pendidikan guru, politeknik, Kolej Komuniti dan banyak lagi.

"Ia juga untuk mendidik kesedaran dalam kalangan pemohon untuk memohon menerusi aplikasi UPUOnline," katanya ketika merasmikan Karnival Jom Masuk IPT 2020 (JMIPT) Zon Sabah, pada Sabtu.

Beliau berkata, modal insan berkualiti tinggi perlu dilahirkan bagi memenuhi atau bergerak selari dengan Revolusi Industri Ke-4 (Industri 4.0).

Katanya, teknologi robotik, objek rangkaian (IOT), kepintaran buatan (AI), data analitik, pemrosesan imej, perisian, sistem komunikasi mudah alih dan banyak lagi antara elemen baharu mengambil alih fungsi pekerjaan serta sistem sedia ada.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah Prof Datuk ChM. Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata, kehadiran ramai pelajar dalam pameran pendidikan itu adalah sesuatu yang positif.

"Untuk jam pertama sahaja, kita menerima seramai 4,000 pengunjung datang ke pameran ini bagi melihat peluang para pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

"JMIPT dilihat telah berjaya menjadi program berimpak tinggi kepada pelajar serta masyarakat keseluruhannya," katanya.

Menurutnya, KPM telah membuka permohonan kemasukan ke Universiti Awam dan institusi berkaitan melalui UPUOnline mula pada 24 Februari 2020 sehingga 31 Mac depan (lepasan SPM) dan 7 April (lepasan STPM/setaraf).

Sumber: Utusan Borneo

